

01/04/1997

Rangkaian restoran dibina di luar negara

IPOH, Isnin - Rangkaian restoran membabitkan empat negeri di Wilayah Utara akan dibina di beberapa negara luar bagi memperkenalkan dan mempromosi pusat pelancongan di wilayah itu kepada pelancong luar.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, berkata cadangan itu dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negara ke negeri Wilayah Utara, iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Menurutnya, Perbadanan Kemajuan Negeri bagi keempat negeri itu akan mengadakan usaha sama dengan syarikat swasta untuk membuka restoran di negara luar.

"Antara lokasi yang dikenal pasti itu ialah di Queensland (Australia), Eropah, California, Turki, Jeddah, dan Amsterdam.

"Dengan cara itu kita bukan saja dapat memperkenalkan keempat-empat negeri itu ke negara luar, tetapi juga membantu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia mempromosi pusat pelancongan utama di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Menteri Besar dan Ketua Menteri Wilayah Utara di sini, hari ini.

Hadir sama ialah, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, Kedah sedang mencari rakan kongsi daripada syarikat swasta bagi memastikan hasrat melaksanakan projek itu tercapai. Ketika ini, Eden Seafood sudah memberikan persetujuan untuk menjadi rakan kongsi.

Sementara itu, negeri di sempadan Wilayah Utara akan membantu Perlis untuk menjadi pengeluar air galian.

Ketika ini, satu kawasan di Chuping, Perlis dikenal pasti berpotensi menjadi sebagai pusat pengeluaran air galian berikutan penemuan sumber air galian itu.

Sementara itu, Dr Koh berkata, jawatankuasa Wilayah Utara bersedia membekal komputer dan peralatan komputer lain sebagai tanda sokongan terhadap projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)